

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Khalid Bin Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bila dan tempoh masa semua peruntukan undang-undang yang berkenaan terutama Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) akan dikuatkuasakan terhadap syarikat pemegang konsesi yang masih berdegil enggan berkerjasama menjayakan penstrukturran semula industri air Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sehingga kini, syarikat-syarikat konsesi air di Selangor telah memberikan kerjasama dalam usaha menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebagai contoh, Perjanjian Jual-Beli Saham antara Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dan Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) untuk tujuan pengambilalihan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) oleh Air Selangor telah ditandatangani pada 11 November 2014. Namun, ia masih belum dapat dikuatkuasakan berikutan beberapa perkara yang sedang dimuktamadkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

2. Selain itu, saya juga difahamkan bahawa pihak Air Selangor sedang dalam proses menyediakan perjanjian bagi tujuan pengambilalihan Konsortium ABASS Sdn. Bhd. (ABASS). Saya berharap perjanjian ini akan dapat dimuktamadkan dalam masa yang terdekat.

3. Untuk Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH), saya telah dimaklumkan bahawa rundingan pengambilalihan syarikat tersebut oleh Air Selangor telahpun dimulakan. Oleh itu, saya melihat bahawa penstrukturian semula ini akan dapat dimuktamadkan dengan kerjasama dan komitmen pihak-pihak yang terlibat dan tiada keperluan untuk Kerajaan menguatkuasakan mana-mana peruntukan undang-undang.
